

Pendedahan tingkatkan kecekapan tentera: PM

SUNGAI BULOH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara tidak dapat dipisahkan daripada faktor keselamatan dalam dan luar negara.

Menurut Perdana Menteri, sesebuah negara akan hancur jika ancaman keselamatan dalam dan luar negara tidak dapat dikawal dan dibendung.

"Kita di Malaysia bukan saja dapat mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, malah secara aktif di peringkat antarabangsa melalui program pengamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) di Institut Kemahiran Kementah (IKK), di sini hari ini. Hadir sama ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perhebat adalah sebuah syarikat perbadanan yang ditubuh dan diletakkan mengikut bidang kuasa Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), mengambil alih fungsi Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit (Hebat) yang ditubuhkan pada 1970.

Antara bidang tugasnya ialah merancang dan melaksanakan program pembangunan bagi bekas perajurit secara menyeluruh seperti latihan berbentuk teknikal dan bukan teknikal.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara Perhebat dan 13 organisasi kerajaan serta swasta membabitkan kerjasama dalam pelbagai bidang berbentuk perniagaan, kemahiran dan pendidikan.

Dr Mahathir berkata, sementara pembabitian tentera negara bersama pasukan pengamanan PBB berjaya meningkatkan maruah negara, pengalaman itu amat berguna bagi meningkatkan kecekapan di bidang ketenteraan.

"Sekarang ini anggota tentera negara kita lebih cekap dan berpandangan lebih luas," katanya.

Beliau berkata, pasukan angkatan tentera tidak perlu membuat persediaan berperang untuk menjamin keamanan negara tetapi dalam masa yang sama tidak boleh membiarkan keupayaan pertahanan merosot dan lemah sehingga pihak lain tidak menghormati

LIHAT MUKA 2

Pendedahan tingkatkan kecekapan tentera

DARI MUKA 1

kebebasan di negara ini.

Bagaimanapun katanya, kos penyelenggaraan tentera sekarang begitu tinggi sehingga tidak dapat mewujudkan ketumbukan tentera yang mencukupi dan terpaksa bergantung kepada tentera simpanan.

Dr Mahathir berharap pesara tentera sanggup untuk terus menyumbang tenaga kepada pasukan tentera simpanan.

"Jika pesara tentera dapat menawar khidmat mereka, kita dapat membekalkan negara dengan pasukan keselamatan yang mencukupi tanpa kos yang terlalu tinggi. Saya yakin kita boleh berharap kepada patriotisme bekas perajurit," katanya.

Dr Mahathir berkata,

kerajaan juga sentiasa memberi perhatian berat terhadap kebajikan dan kepentingan bekas anggota tentera.

Menurutnya, kerajaan dan negara terhutang budi kepada anggota tentera yang menyumbang sebahagian besar masa muda mereka mempertahankan negara.

"Soal sama ada negara menghadapi ancaman perang atau tidak, adanya tentera yang cekap dan berani memberi ingatan kepada sesiapa yang mempunyai niat menyerang negara.

"Kita masih dapat memenuhi keperluan pertahanan negara dengan ramai anak muda secara rela hati menyertai angkatan tentera. Kita tidak perlu mengadakan ke-

rahan tenaga untuk maksud ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, masyarakat dan negara seluruhnya bertanggungjawab memberi perhatian terhadap kebajikan bekas anggota tentera sebagai mengenang jasa mereka.

Menurutnya, pengiktirafan terhadap fungsi anggota tentera tidak terbatas ketika berada dalam perkhidmatan saja tetapi kerajaan turut prihatin terhadap nasib bekas perajurit.

Katanya, dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, seramai 53,417 anggota tentera menamatkan perkhidmatan mereka dan secara purata setiap tahun ada 5,300 anggota tentera yang berhenti daripada

tugas itu.

Perdana Menteri berkata, masalah yang dihadapi oleh bekas perajurit berkisar pada persoalan mengganti punca pendapatan yang hilang.

Menurutnya, bagi seseorang bekas tentera peluang untuk mendapat pekerjaan atau menjalankan perniagaan bergantung kepada beberapa faktor seperti pengalaman, taraf pelajaran, harta yang boleh dijadikan modal serta persaingan dalam pasaran buruh.

"Dalam usaha kerajaan menuju matlamat Wawasan 2020 adalah penting potensi tenaga kerja bekas perajurit dirancang dengan teliti agar kemahiran mereka tidak disia-siakan untuk diri mereka dan ne-

gara," katanya.

Dr Mahathir berkata, tumpuan harus diberi kepada latihan serta kecekapan pengurusan dan yang terpenting sekali ialah sikap dan etika bekerja.

Katanya, bagi membantu Perhebat, kerajaan meluluskan sebuah tabung khas, iaitu Tabung Bekas Perajurit dengan geran permulaan sebanyak RM30 juta dan RM26 juta untuk tahun berikutnya.

Beliau berkata, Perhebat adalah perbadanan ketiga ditubuhkan mengikut Lembaga Tabung Angkatan Tentera selepas Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) pada 1984 dan Perwira Harta Malaysia pada 1985.